



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

[GUAMAN SIVIL NO: 23NCVC-81-07/2012]

ANTARA

**DATUK SERI MOHAMMAD NIZAR... PLAINTIF
JAMALUDDIN**

DAN

UTUSAN MELAYU (M) BERHAD ... DEFENDAN

PENGHAKIMAN

[1] Plaintiff di dalam kes ini pada masa berkenaan adalah seorang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Perak bagi kawasan Pasir Panjang dan mantan Menteri Besar Perak. Beliau adalah juga



seorang ahli politik dari Parti Islam Semalaysia ('PAS') yang memegang jawatan Ahli Jawatankuasa Pusat parti tersebut.

[2] Defendan pula adalah sebuah syarikat yang diperbadankan dibawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan pemilik kepada surat khabar media utama di negara ini, iaitu, Utusan Malaysia.

[3] Plaintiff telah memfailkan tindakan ini terhadap defendan, yang merupakan tuntutan fitnah, yang berpunca daripada penerbitan satu laporan berita yang bertajuk '*Lapan Laporan Polis Dibuat Bantah Kenyataan Biadab Terhadap Sultan Johor – Pasukan Khas Siasat Kenyataan Nizar*' (selepas ini disebut sebagai 'Laporan Berita tersebut'). Laporan Berita tersebut telah diterbitkan di dalam akhbar Utusan Malaysia keluaran 31.5.2012. Penerbitan Laporan Berita tersebut adalah berkait dengan paparan kenyataan twitter oleh plaintiff menerusi akaun Twitter beliau pada 28.5.2012.

[4] Paparan kenyataan twitter plaintiff pada 28.5.2012 tersebut adalah seperti berikut:



“YB Mohammad Nizar

rm520k boleh dibelanjakan membantu rakyat melayu Johor yg masih ramai miskin serta memerlukan bantuan utk keperluan hidup, bina 20 rumah pppt!”;

“YB Mohammad Nizar

But if comparing 24 million diamond ring by rosma, then rm520k 4 www1 reg plate is nothing but how does 1 justify that purchase? MfatwaKeb?”;

“YB Mohammad Nizar

rm520k utk no plate www1, Xkan nak letak kat kereta proton atau motor kut? ramai lagi rakyat yg masih kais pagi mkn pagi kais ptg mkn petang!”.

Dapat diperhatikan paparan kenyataan-kenyataan twitter plaintif tersebut adalah merujuk kepada pembelian nombor pendaftaran kenderaan WWW 1 yang telah berjaya dibuat melalui bidaan oleh DYMM Sultan Johor.

[5] Pada 31.5.2012 Utusan Malaysia telah menerbitkan Laporan Berita tersebut dan laporan penuhnya adalah seperti yang terdapat di ms 3 Ikatan Dokumen B. Perenggan keempat Laporan Berita tersebut berbunyi seperti berikut:



‘Kelmarin, Mohammad Nizar menerusi akaun Twitter miliknya mengeluarkan komen, Sultan Johor **menyalahguna wang rakyat** dalam pembelian nombor plat WWW 1 yang dibida pada harga RM520,000.00.’

(Penekanan saya sendiri)

Adalah kes plaintif bahawa perkataan-perkataan yang terdapat di perenggan keempat Laporan Berita tersebut merupakan satu fitnah kerana paparan Twitter beliau tidak langsung ada menyatakan Sultan Johor telah menyalahgunakan wang rakyat untuk membida No. WWW 1 tersebut.

[6] Di dalam pembelaannya, defendan menafikan kandungan Laporan Berita tersebut, termasuk perenggan keempat, mengandungi apa-apa unsur fitnah sebagaimana yang didakwa oleh plaintif. Selain itu defendan juga bergantung kepada pembelaan justifikasi, ulasan saksama (fair comment) dan perlindungan bersyarat dan kewartawanan.

[7] Di perbicaraan kes, pihak plaintif dan defendan telah masing-masing memanggil tiga (3) orang saksi. Saksi-saksi plaintif adalah:



- a. plaintif sendiri (SP1);
- b. Abdul Hafiz Bin Mohammad Yatim (SP2) yang bertugas sebagai wartawan di Malaysiakini, sebuah media internet; dan
- c. Abdul Fadli Bin Mohd Nazari (SP3) yang juga bertugas di Malaysiakini sebagai wartawan.

Ketiga-tiga saksi defendan pula adalah seperti berikut:

- a. Datuk Mohd Mokhtar Bin Mohd Shariff (SD1). Beliau ialah Ketua Polis Negeri Johor;
- b. Suhainie Binti Khalid (SD2) yang bertugas sebagai Pegawai Berita di Bernama Biro Johor; dan
- c. Mohd Ifqdar Bin Abdul Rahman (SD3) yang bertugas sebagai wartawan dengan defendan. SD3 adalah wartawan yang menulis Laporan Berita tersebut.

Saksi penting kedua-dua pihak sudah semestinyalah SP1 dan SD3.



[8] Sebelum meneruskan dengan penghakiman ini saya ingin terlebih dahulu menyentuh dua perkara yang dibangkitkan masing-masing oleh peguam pihak-pihak.

[9] Pertamanya, peguam plaintif dalam hujahnya telah membangkitkan bantahan terhadap beberapa dokumen yang telah dimasukkan oleh pihak defendan ke dalam Ikatan-Ikatan Dokumen defendan. Memadai saya katakan disini bahawa dokumen-dokumen berkenaan adalah lebih merupakan keterangan dan dengan itu tidak timbul isu bahawa dokumen-dokumen tersebut tidak diplidkan oleh defendan. Oleh itu bantahan peguam plaintif ini saya tolak.

[10] Keduanya, peguam defendan telah membangkitkan doktrin *issue estoppel* dan *res judicata*. Peguam defendan telah membawa perhatian saya kepada keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur baru-baru ini yang juga melibatkan plaintif yang sama di sini. Kes tersebut ialah kes *Datuk Seri Mohammad Nizar v. Stesyen Televisyen Malaysia Berhad & Seorang Lagi* (Guaman Sivil No: 23–NCVC-84-07-2012). Kes tersebut melibatkan paparan



kenyataan Twitter plaintif yang sama dengan kes di sini. Plaintif telah menyaman Stesyen Televisyen Malaysia atas dakwaan penyiaran fitnah di Buletin TV3 yang menyatakan plaintif menuduh Sultan Johor menggunakan wang rakyat untuk membida No. WWW 1. Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan fitnah plaintif di dalam kes tersebut atas alasan, *inter alia*, kenyataan Twitter plaintif tersebut boleh diterjemahkan sebagai mengandungi sindiran bahawa Sultan Johor telah menggunakan wang rakyat. Peguam defendan berhujah di sini bahawa isu berkaitan tafsiran atau terjemahan serta maksud kenyataan Twitter plaintif tersebut kini adalah *res judicata* dan plaintif adalah di '*estopped*' daripada mengulangi isu tersebut di dalam kes kita sekarang ini.

[11] Saya dengan hormat tidak dapat menerima hujah peguam defendan ini. Saya tidak nampak bagaimana isu *res judicata* dan *estoppel* boleh terpakai kepada kes kita ini. Ini adalah kerana walaupun mempunyai persamaan isu dengan kes **Guaman Sivil No: 23–NCVC-84-07-2012** tersebut, kes kita ini melibatkan tuntutan plaintif terhadap defendan yang berlainan dan dengan itu *res judicata*



tidak timbul disini - lihat kes *Farlim Properties Sdn Bhd v. Goh Keat Poh & Ors* [2003] 4 MLJ 654.

[12] Seterusnya, keputusan dan penemuan di dalam kes **Guaman Sivil No: 23–NCVC-84-07-2012** telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Oleh yang sedemikian prinsip *stare decisis* adalah tidak terpakai kerana sesuatu keputusan seorang Hakim Mahkamah Tinggi tidak mengikat Hakim Mahkamah Tinggi yang lain, walaupun keputusan tersebut boleh dianggap sebagai ‘persuasive authority’. Dengan itu doktrin *issue estoppel* adalah juga tidak terpakai kepada tafsiran atau terjemahan ke atas kenyataan Twitter plaintif tersebut. Dengan lain perkataan, Mahkamah ini masih bebas membuat penemuannya tersendiri ke atas maksud dan makna sebenar kenyataan Twitter plaintif tersebut tanpa terikat dengan apa yang telah diputuskan di dalam kes **Guaman Sivil No: 23–NCVC-84-07-2012** tersebut.

[13] Sebagaimana lazimnya di dalam kes tuntutan fitnah, tugas pertama Mahkamah adalah untuk menentukan sama ada kenyataan-



kenyataan yang dipersoalkan itu boleh atau tidak, diertikan sebagai pernyataan fitnah – lihat *Chok Foo Choo v. The China Press Bhd* [1999] 1 CLJ 461. Ini adalah persoalan undang-undang. Didalam kes *Chok Foo Choo v. The China Press Bhd (supra)* tersebut, Gopal Sri Ram, HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut di m.s 467:

“In my judgment, the test which is to be applied lies in the question: do the words published in their natural and ordinary meaning impute to the plaintiff any dishonourable or discreditable conduct or motives or a lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, then the words complained of are defamatory.”

Di dalam kes *Syed Husin Ali v. Syarikat Penchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor* [1973] 2 MLJ 56, *Mohd Azmi J (pada ketika itu)* menerangkan maksud unsur-unsur fitnah seperti berikut di m.s 58:

“Thus, the test of defamatory nature of a statement is its tendency to excite against the plaintiff the adverse opinion of others, although no one believes the statement to be true. Another test is: would the words tend to lower the plaintiff in the estimation of right thinking members of society generally?”



[14] Dalam konteks kes kita ini persoalannya ialah: adakah kandungan Laporan Berita tersebut, khususnya perenggan keempat, di dalam pengertian semulajadi dan biasanya, boleh membawa maksud fitnah? Plaintiff mendakwa bahawa kandungan Laporan Berita tersebut adalah berunsur fitnah kerana ia memberi kesan atau efek seperti yang dinyatakan di perenggan 7(a) hingga (i) di Pernyataan Tuntutannya. Laporan Berita tersebut memberikan makna dan gambaran bahawa plaintiff, antara lain, adalah seorang penderhaka kepada Sultan Johor dan menuduh Sultan Johor telah menyalahgunakan kedudukan baginda untuk menggunakan wang rakyat apabila membeli No. plat WWW 1 tersebut dengan harga RM520,000.00. Saksi defendan SD3 adalah pemberita yang menulis Laporan Berita tersebut dan ketika disoalbalas, beliau sendiri mengakui dan bersetuju bahawa Laporan Berita tersebut, terutamanya perenggan keempat, mempunyai kesan atau efek yang sedemikian.

[15] Sekarang cuba kita lihat pula kepada paparan-paparan kenyataan plaintiff di dalam akaun Twitter beliau. Dapat diperhatikan



bahawa kenyataan-kenyataan Twitter plaintif tersebut langsung tidak ada menyebut nama orang atau pihak yang membeli No. plat WWW 1. Plaintif juga tidak ada menyebut sama ada pembelian tersebut telah menggunakan wang rakyat atau tidak. Pada pendapat saya kenyataan-kenyataan Twitter plaintif tersebut hanya merupakan satu kritikan kepada seorang yang telah sanggup mengeluarkan wang yang sebegitu banyak hanya semata-mata untuk membeli satu nombor plat pendaftaran kenderaan sedangkan wang sebegitu boleh digunakan untuk membantu rakyat miskin di Johor.

[16] Perkataan-perkataan '*Sultan Johor menyalahguna wang rakyat*' tidak ada di dalam kenyataan Twitter plaintif dan perkataan-perkataan tersebut sebenarnya telah ditambah sendiri oleh defendan ke dalam Laporan Berita tersebut.

[17] Oleh yang sedemikian adalah penemuan saya bahawa perenggan keempat Laporan Berita tersebut adalah satu kenyataan yang mempunyai unsur-unsur fitnah terhadap plaintif kerana ia boleh

mencemarkan imej dan maruah serta reputasi plaintif di dalam pemikiran dan pandangan para pembaca Laporan Berita tersebut.

[18] Seterusnya lagi, saya rasa adalah tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak bahawa:

- a. Laporan Berita tersebut sememangnya merujuk kepada plaintif kerana plaintif telah dinamakan sebagai orang yang mengeluarkan kenyataan Twitter; dan
- b. telah berlaku penerbitan dan penyiaran Laporan Berita tersebut. Utusan Malaysia adalah sebuah surat khabar media utama di negara ini dan adalah pengetahuan umum bahawa surat khabar tersebut mempunyai edaran yang luas di seluruh negara.

Mahkamah dengan itu mendapati bahawa pihak plaintif telah pun berjaya membuktikan ketiga-tiga elemen asas yang diperlukan oleh undang-undang untuk membuktikan satu tuntutan fitnah, iaitu:

- a. perenggan keempat Laporan Berita tersebut mempunyai unsur fitnah atau berupaya membawa maksud fitnah;



- b. Laporan tersebut merujuk kepada plaintif; dan
- c. telah pun berlaku penerbitan dan penyiaran keatas kenyataan fitnah tersebut.

[19] Sekarang saya akan sentuh pula pembelaan defendan.

Pembelaan Justifikasi

[20] Pertamanya, defendan bersandarkan kepada pembelaan justifikasi. Adalah undang-undang asas bahawa pembelaan justifikasi merupakan satu pembelaan mutlak kepada sesuatu tuntutan fitnah. Justifikasi dalam konteks kes fitnah ialah kebenaran dan untuk berjaya di dalam pembelaan ini, beban adalah terletak di atas bahu defendan untuk membuktikan kebenaran kata-kata yang didakwa berunsur fitnah itu. Defendan tidak perlu membuktikan bahawa setiap kata-kata tersebut adalah benar; memadai untuk defendan menunjukkan bahawa sebahagian besar kata-kata tersebut adalah benar. Ini diperuntukkan didalam s. 8 Akta Fitnah 1957. Di dalam kes *Chong Swee Huat & Another v. Lim Shian Ghee (T/S L & G*



Consultants & Education Services [2009] 4 CLJ 113, Zainun Ali HMR (beliau pada ketika itu) menerangkan seperti berikut di m.s 169:

“In other words, a purposive approach is taken in interpreting section 8 – when for a defence of justification to be upheld, it is not necessary to prove the truth of every word in the statement said to be defamatory. What is relevant is actually the truth of the imputation of the overall statement.”

[21] Persoalan yang kritikal di dalam kes ini ialah begini: bolehkah kenyataan-kenyataan Twitter plaintif tersebut ditafsirkan atau diterjemahkan sebagai menuduh Sultan Johor menyalahguna wang rakyat untuk membeli No. plat WWW 1 dengan harga bidaan RM520,000.00? Jika jawapan kepada persoalan ini adalah dalam bentuk afirmatif, maka pembelaan justifikasi defendan akan berjaya. Jika tidak, maka pembelaan tersebut tidak boleh disandarkan oleh defendan.

[22] Elok saya sebutkan semula apa yang dilaporkan di dalam perenggan keempat Laporan Berita tersebut yang berbunyi seperti berikut:



‘Kelmarin, Mohammad Nizar menerusi akaun Twitter miliknya mengeluarkan komen, Sultan Johor **menyalahguna wang rakyat** dalam pembelian nombor plat WWW 1 yang dibida pada harga RM520,000.00.’

(Penekanan saya sendiri)

Dapat diperhatikan bahawa Laporan Berita tersebut dengan jelas dan nyata menyebut plaintif telah memberikan komen Sultan Johor telah menyalahgunakan wang rakyat. Ini bermakna defendan menyatakan bahawa plaintif bukan sahaja setakat memberi komen tentang wang rakyat telah digunakan, tetapi ia telah digunakan secara salah oleh Sultan Johor untuk membeli nombor plat tersebut. Pada pendapat saya inilah intipati kandungan perenggan keempat Laporan Berita tersebut.

[23] Bagaimanapun jika kita meneliti paparan kenyataan-kenyataan Twitter plaintif, kita akan melihat bahawa plaintif hanya mengkritik tindakan seseorang yang sanggup membayar jumlah yang sebegitu besar semata-mata untuk satu nombor plat kenderaan. Subject-matter atau perkara pokok yang dikritik adalah perbelanjaan wang yang banyak untuk pembelian tersebut, dan bukan isu sama ada



wang sendiri atau wang rakyat telah digunakan. Plaintiff telah menyebut bahawa wang yang sebegitu besar boleh digunakan untuk membantu rakyat miskin Johor hanyalah untuk menunjukkan tahap pembaziran yang berlaku. Pembaziran ini pula telah ditekankan dengan membuat rujukan kepada pembinaan 20 unit rumah PPRT. PPRT merujuk kepada Projek Perumahan Rakyat Termiskin dan adalah jelas rujukan kepada 20 unit rumah PPRT adalah untuk menunjukkan betapa besarnya jumlah wang tersebut sehinggakan boleh membina 20 rumah PPRT. SP1 sendiri di dalam keterangannya telah menjelaskan perkara ini.

[24] Peguam defendan berhujah bahawa kenyataan Twitter plaintiff tersebut boleh menyebabkan seseorang yang membacanya membuat anggapan bahawa Sultan Johor telah menggunakan wang rakyat. Ini adalah kerana terdapatnya rujukan kepada membantu rakyat miskin Johor dan pembinaan rumah PPRT di dalam kenyataan Twitter tersebut. Peguam defendan bergantung kepada penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi di dalam kes *Datuk Seri Mohammad Nizar v. Stesyen Televisyen Malaysia Berhad & Seorang Lagi* (**Guaman**



Sivil No: 23–NCVC-84-07-2012). Hakim di dalam kes tersebut berpendapat bahawa seorang pembaca yang munasabah berkemungkinan besar akan membuat kesimpulan secara tidak langsung yang kenyataan Twitter plaintif tersebut bermaksud Sultan Johor telah menggunakan duit rakyat untuk membeli No. Plat WWW 1 tersebut. Dengan itu Hakim di dalam kes tersebut memutuskan pembelaan justifikasi telah dibuktikan apabila Buletin TV3 menyiarkan berita bahawa Datuk Seri Nizar (iaitu plaintif) telah menuduh Sultan Johor menggunakan wang rakyat. Dengan hormatnya, saya tidak bersetuju dengan penafsiran atau interpretasi sedemikian terhadap kenyataan Twitter plaintif tersebut. Sekiranya dilihat secara objektif, saya tidak nampak bagaimana kenyataan Twitter plaintif tersebut boleh di tafsirkan sedemikian. Tafsiran atau intepretasi sedemikian adalah terlalu jauh tersasar daripada apa yang sebenarnya ditwitkan oleh plaintif dan tidak mungkin seorang pembaca yang munasabah akan membuat kesimpulan sebegitu. Seperti yang saya katakan tadi, kenyataan Twitter plaintif tersebut pada asasnya hanyalah mengkritik tindakan membelanjakan wang yang sebegitu besar untuk membeli sebuah plat nombor kenderaan.

[25] Pada pendapat saya adalah jelas defendan telah tidak melapurkan apa yang sebenar disebutkan oleh plaintif di dalam paparan kenyataan Twitter plaintif. Sebaliknya defendan telah memutarbelitkan kenyataan Twitter tersebut di mana plaintif kononnya telah membuat komen bahawa Sultan Johor telah menyalahgunakan wang rakyat untuk membeli nombor plat WWW1 tersebut. Saya mendapati defendan tidak mempunyai justifikasi untuk membuat laporan yang sedemikian dan dengan itu juga pembelaan justifikasi defendan sudah semestinyalah gagal.

Pembelaan Ulasan Saksama

[26] Pembelaan kedua defendan adalah 'fair comment' atau ulasan saksama. Dari segi undang-undang, pihak defendan tidak perlu membuktikan kebenaran kenyataan yang dikatakan fitnah itu untuk berjaya di dalam pembelaan ulasan saksama. Bagaimanapun defendan perlulah menunjukkan perkataan yang digunakan itu adalah satu komen atau ulasan berkaitan perkara yang berkepentingan awam – lihat kes *Kemsley v. Foot* [1952] 1 AER 501; *Chong Swee Huat & Anor v. Lim Shian Ghee* [2009] 4 CLJ



113 dan *S Ashok Kandiah & Anor v. Dato' Yalumallai Muthusamy* [2011] 1 CLJ 460.

[27] Pertama sekali, saya mendapati bahawa perenggan keempat Laporan Berita tersebut yang menjadi asas tuntutan fitnah plaintif ini bukanlah satu komen tetapi merupakan satu pernyataan fakta atau 'statement of fact'. Perenggan keempat tersebut memaklumkan kepada para pembaca apa yang telah dikomen oleh plaintif di dalam Twitturnya, iaitu, '*Sultan Johor telah menyalahgunakan wang rakyat dalam pembelian No. plat WWW 1*'. Peguam defendan berhujah bahawa Laporan Berita tersebut adalah merupakan ulasan keatas kenyataan yang dibuat oleh SD1, iaitu Ketua Polis Negeri Johor. Bagaimanapun SD1 dan SD3 sendiri mengesahkan bahawa SD1 hanya menyatakan satu pasukan khas telah ditubuhkan untuk menyiasat kenyataan Twitter plaintif tetapi tidak pernah pada bila-bila masa menyatakan bahawa paparan Twitter tersebut menuduh Sultan Johor menyalahgunakan wang rakyat untuk membeli nombor plat tersebut. Oleh itu saya bersetuju dengan peguam plaintif bahawa kenyataan SD1 tidak mungkin boleh dijadikan sebagai satu sandaran



kepada apa yang telah diperkatakan di perenggan keempat Laporan Berita tersebut.

[28] Seterusnya, jika pun benar apa yang dinyatakan di dalam perenggan keempat Laporan Berita tersebut adalah satu komen atau ulasan, saya berpendapat ia bukanlah satu komen yang adil dan saksama. Plaintiff melalui kenyataan Twitternya itu hanya mengkritik pembelian nombor plat dengan harga yang begitu tinggi tetapi sebaliknya defendan di dalam perenggan keempat tersebut melaporkan bahawa plaintiff menuduh Sultan Johor telah menyalahgunakan wang rakyat. Ini bukanlah satu komen yang adil keatas apa yang telah ditwit oleh plaintiff.

[29] Saya juga mendapati SD3 tidak pernah berusaha untuk menghubungi plaintiff untuk mendapatkan penjelasan atau penerangan berkaitan kandungan Twitter beliau sebelum menulis dan menerbitkan Laporan Berita tersebut. SD3 hanya membuat kesimpulan sendiri tentang apa yang ditwit oleh plaintiff dan seperti yang telah saya katakan tadi kesimpulan tersebut bukan satu



kesimpulan yang munasabah atau boleh dirumuskan sebagai adil atau saksama.

[30] Oleh yang sedemikian pembelaan ulasan saksama atau fair comment oleh defendan adalah juga gagal.

Pembelaan Perlindungan Bersyarat/Kewartawanan

[31] Berkaitan dengan pembelaan perlindungan bersyarat dan kewartawanan (qualified privilege and reportage), defendan dikehendaki memenuhi kehendak undang-undang sebagaimana yang dinyatakan di dalam kes *Reynolds v. Times Newspapers Ltd And Others* [2001] 2 AC 127. Dua keperluan perlu dipenuhi oleh defendan, iaitu:

- a. bahawa penerbitan Laporan Berita tersebut merupakan atau berkait dengan kepentingan awam; dan
- b. bahawa langkah-langkah bertanggungjawab dan adil telah diambil dalam mengumpul dan menentusahkan maklumat. Dengan lain perkataan, defendan perlu menunjukkan ia telah

mengamalkan ‘responsible journalism’ dalam menerbitkan Laporan Berita tersebut.

Peguam defendan berhujah bahawa pihak defendan telah pun memenuhi ciri-ciri yang dinyatakan di dalam kes *Reynolds tersebut (supra)*.

[32] Saya menerima hakikat bahawa wujud elemen kepentingan awam berkaitan dengan apa yang dilaporkan oleh Laporan Berita tersebut dan sebagai surat khabar media perdana di negara ini, Utusan Malaysia mempunyai tanggungjawab melaporkan berita tersebut. SD3 mengakui apa yang dilaporkan di dalam Laporan Berita tersebut tentang kenyataan Twitter plaintif adalah sesuatu yang serius dan akan memberikan kesan negatif kepada plaintif. Tetapi saya mendapati bahawa:

- a. defendan langsung tidak cuba mendapatkan penjelasan dan pengesahan daripada plaintif sendiri tentang kandungan Twitter tersebut sebelum menerbitkan Laporan Berita tersebut;

- b. Laporan Berita tersebut jelas menyentuh tentang paparan kenyataan Twitter plaintif tetapi telah tidak pula menurunkan kandungan sebenar kenyataan Twitter tersebut;
- c. perkataan '*Sultan Johor menyalahguna wang rakyat*' di perenggan keempat Laporan Berita tersebut adalah sesuatu yang ditokok tambah oleh defendan sendiri dan bukan mencerminkan apa yang sebenarnya ditwit oleh plaintif;

Pada pendapat saya walaupun berita yang dilaporkan itu mempunyai kepentingan awam, pihak defendan bagaimanapun telah gagal untuk mengamalkan 'responsible journalism'. Laporan Berita tersebut, terutamanya di perenggan keempat, memberikan satu gambaran yang negatif kepada plaintif dan sudah pasti akan menimbulkan kemurkaan di pihak istana. Bagi seseorang untuk mengeluarkan kenyataan bahawa Sultan telah menyalahgunakan wang rakyat adalah sesuatu yang amat serius. Dalam menerbitkan Laporan Berita tersebut, SD3 nampaknya telah hanya menghubungi Ketua Polis Negeri Johor (SD1) dan Ketua Pengerakan Pemuda UMNO Johor sahaja. Tetapi SD3 dan defendan tidak langsung cuba untuk menghubungi plaintif untuk mengesahkan sama ada benar atau tidak



plaintif telah membuat kenyataan yang sedemikian melalui Twitternya.

[33] Kita mungkin boleh mempersoalkan kewajaran tindakan plaintif yang mengkritik Sultan Johor dalam pembelian No plat WWW 1 tersebut dengan harga yang sedemikian kerana pembelian tersebut adalah hak baginda. Penjelasan telah pun diberikan bagi pihak Sultan Johor bahawa pembelian nombor plat tersebut adalah dengan wang baginda sendiri dan tidak langsung menggunakan wang Kerajaan. Tetapi ini tidak bermakna defendan dibenarkan oleh undang-undang untuk memesong dan membuat laporan tidak benar yang bersifat fitnah keatas plaintif berkaitan paparan kenyataan Twitter beliau.

[34] Kesimpulannya, saya mendapati pembelaan perlindungan bersyarat dan kewartawanan adalah juga tidak boleh digunakan oleh defendan berdasarkan keadaan kes ini.

Isu Niat Jahat/Malice

[35] Di dalam undang-undang tuntutan fitnah, isu niat jahat atau malice adalah relevan kepada pembelaan ulasan saksama dan perlindungan bersyarat. Adalah undang-undang asas bahawa kewujudan niat jahat atau malice di pihak defendan dalam menerbitkan dan menyiarkan sesuatu kenyataan fitnah akan dengan sendirinya mengagalkan pembelaan ulasan saksama dan perlindungan bersyarat. Dengan lain perkataan, kedua-dua pembelaan ini akan hanya terpakai sekiranya penerbitan kenyataan fitnah tersebut dilakukan dengan niat yang jujur atau dibuat secara suci hati- lihat kes *Sivabalan A/L P Asapathy v. The New Straits Times Press (M) Bhd* [2010] 9 MLJ 320 dan kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v. Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393.

[36] Plaintiff dalam menyangkal pembelaan ulasan saksama dan perlindungan bersyarat defendan telah memplidkan butiran-butiran 'malice' di perenggan 10 dan 11 di dalam Jawapan Kepada Pernyataan Pembelaan. Malice yang disandarkan oleh plaintiff di sini

ialah ‘express malice’ atau niat jahat yang nyata. Di dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya’kub v. Bre Sdn Bhd & Ors (supra)*, Richard Malanjum J (*beliau pada ketika itu*) menyatakan seperti berikut di m.s 413:

“Malice can be inferred where a defendant made a defamatory statement knowing it to be false, or he did not believe what he published was true, or that he made it recklessly, not caring whether it was true or false; or where he deliberately stopped short in his inquiries in order not to ascertain the truth.”

[37] Berdasarkan kepada garis panduan yang dinyatakan di dalam kes tersebut, saya berpendapat bahawa plaintif telah, atas imbangan keberangkalan, membuktikan wujudnya ‘express malice’ atau niat jahat yang nyata apabila defendan melalui SD3 telah menulis dan menerbitkan kenyataan fitnah terhadap beliau dalam bentuk dan ayat yang digunakan di perenggan keempat Laporan Berita tersebut. ‘Express malice’ atau niat jahat yang nyata boleh disimpulkan daripada faktor-faktor berikut:

- a. SD3 langsung tidak cuba menghubungi plaintif untuk mengesahkan komen sebenar yang beliau paparkan di dalam

Twitternya. Sebaliknya, SD3 tiada masalah menemubual Ketua Pengerakan Pemuda UMNO Johor;

- b. SD3 sedar ianya adalah penting untuk mendapat penerangan dan pengesahan plaintif memandangkan Laporan Berita tersebut menyentuh perkara yang sensitif dan melibatkan Sultan Johor;
- c. apa yang ditulis di perenggan keempat adalah lain daripada apa yang ditwit oleh plaintif;
- d. daripada keterangan SD3 sendiri adalah jelas beliau sebenarnya mengetahui akan kandungan sebenar kenyataan Twitter plaintif tetapi telah memilih untuk tidak menerbitkannya di dalam Laporan Berita tersebut;

Pada pendapat saya faktor-faktor ini menunjukkan pihak defendan melalui SD3 telah bertindak dengan cara cuai atau dengan sengaja tidak menghiraukan sama ada apa yang dilaporkannya di perenggan keempat Laporan Berita tersebut betul atau tidak. Defendan dengan itu telah menunjukkan sikap tidak berminat mencari kebenaran. Sehubungan itu bolehlah dirumuskan bahawa penulisan dan



penerbitan Laporan Berita tersebut, terutamanya perenggan keempat, telah didorong oleh niat jahat di pihak defendan. Ini bermakna pembelaan ulasan saksama dan perlindungan bersyarat tidak dapat dipertahankan oleh defendan.

[38] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan maka adalah penghakiman Mahkamah ini bahawa plaintif telah berjaya membuktikan tuntutan fitnahnya keatas defendan.

Gantirugi

[39] Di dalam kes ini plaintif berhak mendapat pampasan gantirugi akibat daripada fitnah tersebut yang telah menjejaskan dan mencemar reputasi dan imej beliau. Di dalam kes fitnah, plaintif tidak diperlukan untuk membuktikan kerugian sebenar kerana terdapat andaian disisi undang-undang bahawa plaintif sudah semestinyalah telah mengalami kerugian tersebut – lihat kes *Top-A Plastics Sdn Bhd & Ors v. Bumiputra Commerce Bank Berhad* [2006] 5 MLJ 620.



[40] Selain menuntut gantirugi am, gantirugi keterlalaian (aggravated damages) dan gantirugi tauladan sebagai pampasan, plaintif juga menuntut perintah injunksi menghalang defendan atau ejen dan pekerjaanya daripada menerbitkan sama ada secara bertulis atau lisan kenyataan fitnah tersebut. Plaintif juga menuntut defendan menerbitkan permintaan maaf secara bertulis di surat khabar.

[41] Peguam defendan pula berhujah bahawa tiada keperluan untuk Mahkamah memberikan perintah injunksi dan permintaan maaf tersebut di dalam keadaan kes ini. Peguam defendan juga berpendapat bahawa plaintif seharusnya diberikan ‘nominal damages’ sahaja.

[42] Saya bersetuju dengan peguam defendan bahawa perintah injunksi dan penyiaran permintaan maaf adalah tidak lagi diperlukan berkaitan dengan kenyataan fitnah tersebut. Tetapi saya tidak bersetuju dengan peguam defendan bahawa satu ‘nominal damages’ adalah memadai di sini.

[43] Dalam menentukan kuantum pampasan gantirugi, Mahkamah perlu mengambilkira banyak faktor. Faktor ini termasuklah, antara lainnya, status plaintif di dalam masyarakat, tindak tanduk defendan sendiri terutamanya selepas penyiaran fitnah tersebut, iaitu sama ada ia menunjukkan sikap insaf atau tidak, seluas manakah penyebaran fitnah tersebut telah berlaku, kesan penerbitan fitnah tersebut ke atas plaintif dan jenis atau sifat fitnah itu sendiri.

[44] Berkaitan gantirugi tauladan, Richard Malanjun J (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Chong Siew Chiang v. Chua Ching Geh & Anor* [1995] 1 MLJ 551 di ms 559 menerangkan seperti berikut:

“Before considering any exemplary damages it must be considered first whether the sum in mind for compensatory damages would be adequate. In view of the outrageous conduct of the defendant and to indicate disapproval of such conduct and as a deterrence, an additional sum may be added to bring the sum sufficient as punishment.”

Berdasarkan kepada keadaan kes ini saya berpendapat plaintif wajar diberikan gantirugi tauladan.



[45] Gantirugi keterlaluhan atau ‘aggravated damages’ pula akan hanya dipertimbangkan dan diberikan di dalam keadaan di mana defendan melalui tindak tanduknya telah bersikap degil dan keras dalam menentang tuntutan fitnah yang dibuat oleh plaintif. Berdasarkan kepada keadaan kes ini saya merasakan gantirugi keterlaluhan adalah tidak diperlukan kerana tiada terdapat apa-apa tanda bahawa defendan bersikap degil dan keras terhadap plaintif di dalam prosiding kes ini.

[46] Setelah mengambilkira kesemua faktor relevan yang telah saya sebutkan tadi saya berpendapat satu jumlah global bagi gantirugi am dan tauladan adalah lebih wajar. Dan dengan mengambilkira juga trend pampasan gantirugi yang lazimnya diberikan oleh Mahkamah di dalam kes-kes sebegini saya berpendapat jumlah RM250,000.00 adalah satu jumlah yang berpatutan dan munasabah.

[47] Saya dengan ini membenarkan tuntutan plaintif dan memerintahkan defendan membayar plaintif gantirugi berjumlah RM250,000.00 berserta dengan faedah pada kadar 5% setahun



mulai dari tarikh penghakiman ini sehingga penyelesaian sepenuhnya. Saya juga perintahkan defendan membayar kos RM30,000.00 kepada plaintif.

(ROSNAINI SAUB)

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

Tarikh: 24 JULAI 2013

Kaunsel:

Bagi pihak plaintiff - Mohammed Zamri Ibrahim (Mohd Fitri Asmuni bersamanya); T/n Awi & Co

Bagi pihak defendant - Firoz Hussein (Choo Shi Jin bersamanya); T/n Hafarizam Wan & Aishah

Kes-kes yang dirujuk:

Farlim Properties Sdn Bhd v. Goh Keat Poh & Ors [2003] 4 MLJ 654

Chok Foo Choo v. The China Press Bhd [1999] 1 CLJ 461



Syed Husin Ali v. Syarikat Penchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor
[1973] 2 MLJ 56

*Chong Swee Huat & Another v. Lim Shian Ghee (T/S L & G Consultants
& Education Services* [2009] 4 CLJ 113

Kemsley v. Foot [1952] 1 AER 501

S Ashok Kandiah & Anor v. Dato' Yalumallai Muthusamy [2011] 1 CLJ
460

Reynolds v. Times Newspapers Ltd And Others [2001] 2 AC 127

Sivabalan A/L P Aspathy v. The New Straits Times Press (M) Bhd
[2010] 9 MLJ 320

Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v. Bre Sdn Bhd & Ors
[1996] 1 MLJ 393

Top-A Plastics Sdn Bhd & Ors v. Bumiputra Commerce Bank Berhad
[2006] 5 MLJ 620

Chong Siew Chiang v. Chua Ching Geh & Anor [1995] 1 MLJ 551